

Headline **Gata, Jendela budaya Borneo Seantero Dunia**
Date **03 May 2011**
MediaTitle **New Sabah Times Bahasa (KK)**
Section **Semasa**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **23,655 /**

Language **Malay**
Page No **18**
Article Size **554 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **1,074**
PRValue **3,222**



Gata: Jendela budaya Borneo Seantero Dunia

UMUMNYA apabila sesuatu pesta diadakan ianya menggam-barkan satu program keramaian yang bersifat kemeriahan dan kegembiraan pengunjungnya yang datang bertali-arus sepanjang ianya dilangsungkan. Pesta-pesta demikian sarat dengan aktiviti-aktiviti tertentu yang telah dirancang oleh pihak penganjur.

Selain sebagai wadah perpaduan sebenarnya sesuatu pesta yang diadakan mempunyai intipatinya yang tersirat, apatah lagi apabila ianya telah menjadi aktiviti tahunan atau dwitahunan. Pasti ada sesuatu yang lebih bermakna dan dapat menyumbang sesuatu sama ada untuk kelompok masyarakat tertentu hatta untuk negara sekalipun.

Pengerusi Jawatankuasa Induk Pesta Gasing dan Tamu Besar (Gata) Sipitang, Datuk Sapawi Ahmad menyelongkar intisari mengenai Gata Sipitang dalam pembentangan kertas kerjanya yang bertajuk 'Gata Sipitang Melestari Budaya dan warisan Bangsa', pada Seminar Budaya dan Warisan Borneo (SBWB) yang diadakan di Dewan Sri Kinabalu, Kompleks Tabung Haji, Kota Kinabalu pada Khamis.

Gata yang diadakan dua tahun sekali sejak 2003 yang lalu itu, katanya adalah satu program perpaduan yang dilihat mampu menerapkan dan mengekalkan budaya dan warisan bangsa secara menyeluruh.

"Setiap kali Gata sipitang diadakan kira-kira 60,000 pengunjung datang dari dalam dan luar negeri Sabah seperti Wilayah Persekutuan Labuan, Sarawak dan Brunei Darussalam," katanya sambil menjelaskan senario itu telah mencapai objektif penganjuran pesta itu.

Antara lain katanya, Gata Sipitang diadakan bertujuan mempromosi Sipitang sebagai destinasi pelancongan dalam dan luar negeri dan juga sebagai usaha memasyarakatkan warisan dan budaya Sipitang.

"Disamping itu ianya juga sebagai satu wadah perpaduan dan pengukuhan kerjasama di kalangan penduduk setempat yang diharapkan akan menzahirkan jati diri warga Sipitang dengan slogan 'Sipitang Boleh.'" katanya.

Ahli Parlimen Sipitang itu menjelaskan, tema dan lagu khas pesta itu yang bertajuk 'Daie Sipitang Kuan Biskita' adalah simbolisme pertautan nafas perpaduan tiga suku kaum terbesar di Sipitang iaitu Kedayan, Murut/Lundayeh dan Brunei yang bermaksud 'Dari Sipitang Untuk Anda'.

Beliau berkata, Gata Sipitang memfokuskan konsep budaya dan warisan yang meliputi permainan, makanan, budaya dan muzik yang bersifat tradisi.

"Gata Sipitang telah membangun dan melestarikan sukan dan permainan tradisi seperti gasing, silat, sukan laut, lansaran, simban, kuit, lastik, sumpit dan sebagainya dimana permaian ini dimainkan secara pertandingan yang melibatkan peserta dari dalam dan luar Sabah,"

"Musim pertama ianya diadakan pada 2003 kita telah mencipta rekod dalam Malaysia Book of record (MBR) dengan gasing terbesar yang boleh dimainkan secara manual yang mana ianya kini dipamerkan di Muzium Sabah," katanya.

Dalam usaha menampilkan kembali makanan tradisi yang semakin pupus bersama kehilangan generasi lama, Sapawi memberitahu dalam Gata Sipitang ianya ditampilkan melalui demonstrasi pembuatan, penjualan dan pameran makan dan kuih tradisi.

"Gata Sipitang juga telah memperkenalkan dua jenis kuih tradisi melau catat dalam MBR iaitu Kelupis terpanjang pada 2003 dan Jelurut terpanjang (2005). Tujuan catatan MBR ini ialah bagi mempromosikan kuih tradisi suku kaum Kedayan dan Brunei," katanya.

Menyentuh mengenai budaya tradisi, Sapawi yang juga Exco Penerangan Sabah itu berkata Sipitang mempunyai kepelbagaian budaya suku kaum yang diwarnai dengan ciri dan adat yang menarik.

"Gata menzahirkan budaya seni tari, seni kraf dan yang berkaitan seperti Samalindang, Adai-adai, Singa, Sumazau, limbai, Sumayau, Magunatip, pembuatan saraung, tikar dan sebagainya," katanya.

Kepelbagaian kaum juga, katanya membawa kepada kewujudan pelbagai alat dan irama muzik mengikut suku kaum seperti Gambus, Kompang, Kulintangan Sadaman, Kulintangan Bisaya, Seruling Bamboo dan lain-lain

"Ianya dipromosikan melalui persembahan di dalam dan luar Sipitang dan kita telah berusaha untuk memperkenalkan muzik

tradisi yang tersenarai catatan MBR dengan menampilkan pemain Kulintangan sadaman teramai pada tahun 2007.

Sejarah kejayaan Gata Sipitang yang diadakan sebanyak empat kali sebelum ini mendorong pihak penganjur menambah beberapa acara yang menepati keperluan untuk memperkasa budaya dan warisan supaya terus berkembang.

"Pada tahun ini Gata yang akan diadakan mulai 1 hingga 3 Julai akan datang akan diisi dengan beberapa acara tambahan iaitu permainan 'kikik' iaitu permainan layang-layang," katanya.

Beliau berkata acara-acara lain yang akan diadakan ialah pertandingan gasing (kebangsaan dan jemputan Borneo), tamu besar, karnival makanan tradisi, silat jemputan Sabah dan Borneo, tarik tali jemputan sabah dan Borneo, Bintang Gata, sukan rakyat

"Malam Gata Sipitang akan menjadi kemuncak acara pesta ini dengan penampilan persembahan muzik dan tarian tradisi serta persembahan artis undangan," katanya.

Dalam keterbatasan waktu Sapawi dilihat berjaya menerapkan pengertian kepada peserta seminar yang memenuhi setiap tempat duduk di ruang berhawa dingin itu.

Selepas Sapawi membuka gelanggang bicara, Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Datuk Norliza Rofli mengambil tempat dengan kertas kerja bertajuk 'Budaya Warisan Negeri Sebagai Pemangkin Kepada Perpaduan Bangsa.

Ahli Jawatankuasa Gata Sipitang, Maidon Sisak pula menyingskap mengenai gasing Sipitang melalui tajuk 'Melestari Permainan Gasing : Pengalaman Negeri Sabah'.

Headline	Gata, Jendela budaya Borneo Seantero Dunia	Language	Malay
Date	03 May 2011	Page No	18
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)	Article Size	554 cm²
Section	Semasa	Color	Black/white
Journalist	N/A	ADValue	1,074
Frequency	Daily	PRValue	3,222
Circ / Read	23,655 /		

Jemputan tokoh budayawan dari Kampung Budaya Negeri Sarawak, Narawi Rashidi pula menghurai kertas kerjanya bertajuk 'Melestari Muzik Tradisi: Pengalaman Negeri sarawak'.

Kertas kerja bertajuk 'Memperkasa Jatidiri Bangsa Melalui Permaian Rakyat' yang dikupas selama sejam oleh Dekan Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Madya Hj Ainol Shahrudin, mengakhiri seminar sebelum majlis perasamian penangguhannya disempurnakan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Dr Rais yang disambut dengan salam harmoni persembahan muzik tradisi Kedayan, Lundayeh dan Bisaya membalas budi luhur itu dengan secebis bicara yang mengukir senyum gembira kepada warga Sipitang khususnya dan rakyat negeri ini amnya.

"Setelah menilik dan mengerti, Gata Sipitang sebenarnya boleh dijadikan jendela budaya Borneo yang mampu menjadi saluran eksport budaya ke gerbang antara bangsa kerana masyarakat luar terutamanya orang Eropah, telah lama mengenali dan tertarik dengan Borneo," katanya sambil memberi tahu KPKK melalui JKKN akan memberi bantuan kepada penganjuran Gata Sipitang 2011.

"Pihak kementerian bersedia memberi bantuan kepada penganjuran Gata Sipitang 2011 dan kita akan salurkan melalui JKKN," katanya sambil menyarankan pesta Gata didokumentasikan.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sindumin, Ahmad Bujang, Adun Lumadan, kamrlin Ombi, Pegawai Daerah Sipitang, Latif Amat, Pengarah JKKN Sabah dan Pengarah Dewan Bahawa dan Pustaka (DBP) Sabah.



SERULING BAMBOO...Dr Rais disambut dengan persembahan Seruling Bamboo oleh masyarakat Lundayeh.

Headline **Gata, Jendela budaya Borneo Seantero Dunia**

Date **03 May 2011**

MediaTitle **New Sabah Times Bahasa (KK)**

Section **Semasa**

Journalist **N/A**

Frequency **Daily**

Circ / Read **23,655 /**

Language **Malay**

Page No **18**

Article Size **554 cm²**

Color **Black/white**

ADValue **1,074**

PRValue **3,222**



MESRA...Sapawi (kiri), Norliza (dua kanan), pengarah JKKK Sabah (dua kiri dan pengarah DBP Sabah) berbual mesra.



SALAM...Dr Rais bersalaman dengan peserta seminar.



TANDA KENANGAN ... Sapawi menyampaikan cenderamata kepada Dr Rais selepas menyempurnakan majlis persamian penangguhan seminar.

PESERTA ... Sebahagian daripada peserta yang mengambil bahagian dalam Seminar Budaya dan Warisan Borneo.

